

17 APR 1997

Mahathir-Ketepatan

MAHATHIR MINTA MEDIA JANGAN SALAHGUNAKAN KUASANYA

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada media yang perbuatan menyalahgunakan kuasa atas nama kebebasan akhbar merugikan rakyat.

Perdana Menteri berkata, mereka yang melanggan membayar duit dan menyokong kewujudan media bagi mendapatkan laporan dan maklumat yang tepat dalam membantu membuat keputusan.

Akhbar-akhbar dan media sering mengecam kerajaan kerana menyalahgunakan kuasa ataupun kerana wujudnya amalan rasuah tetapi jika anda (media) melakukan sesuatu yang anda tahu tidak betul hanya kerana anda mempunyai kuasa bukankah ianya rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa, kata beliau semasa merasmikan biro Kuala Lumpur akhbar kewangan "Nihon Keizai Shimbun" yang lebih dikenali sebagai Nikkei, di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang bercakap secara spontan mengenai kebebasan akhbar dan pentingnya ketepatan dalam laporan media berkata, tiada manfaat dalam menyiarkan laporan yang menimbulkan perbalahan dan kenyataan-kenyataan mengemparkan yang tidak berasaskan kepada sebarang fakta.

"Ya kita melakukan kesilapan di Malaysia, kita kadang kala membuat benda-benda yang salah tetapi ia mesti dilaporkan dalam perspektif yang betul. Ini bukan sahaja demi kebaikan kita, tetapi juga baik bagi mereka yang berurusan dengan kita kerana mereka perlu maklumat yang betul," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, ketepatan sangat penting kerana mereka yang melanggan mahu membaca lebih banyak laporan yang tepat yang boleh digunakan untuk membuat keputusan.

Beliau berkata, laporan seperti itu adalah lebih baik berbanding laporan yang menimbulkan perbalahaan dan yang memuaskan hati beberapa pihak untuk memburuk-burukan negara membangun seperti Malaysia.

"Para pelabur perlu maklumat sebelum mereka boleh melabur. Para pedagang memerlukan maklumat sebelum mereka boleh berdagang di mana-mana negara. Maklumat adalah penting jika ianya tepat," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, telah menjadi lumrah bagi media untuk menyiarkan laporan-laporan sensasi dan negatif kerana ia menarik lebih banyak pembaca berbanding dengan laporan positif.

Beliau berkata, media sentiasa memaparkan aspek-aspek negatif dalam semua perkara yang mereka laporkan walaupun mereka sedar perlunya laporan yang baik dan tepat.

Dr Mahathir juga berkata, laporan media yang tidak tepat dan laporan yang lebih kepada apa yang media mahu dan bukan apa yang sebenarnya berlaku merugikan pembaca.

Sebagai contoh, beliau berkata Malaysia dari masa ke masa dilaporkan sebagai negara yang berada di ambang keganasan kaum kerana "ketidakserasian" pada penduduk yang berbilang kaum, berbilang bahasa dan dengan pelbagai agama.

"Tetapi hari ini di Malaysia rakyatnya hidup dan berusaha bersama untuk membangunkan negara ini. Prestasi ekonomi yang baik sebenarnya hasil daripada kestabilan politik di negara ini," kata beliau.

Perdana Menteri juga menolak dakwaan, khasnya oleh Barat yang kerajaan menguasai media di negara ini.

"Saya ingin menjelaskan yang mereka yang menyatakan ini belum lagi membaca kebanyakan akhbar-akhbar vernakular yang tidak mempunyai apa-apa yang baik untuk dikatakan mengenai kerajaan ini," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata, perkara-perkara yang dilaporkan mengenai beliau, khususnya oleh akhbar-akhbar yang dikuasai oleh pembangkang adalah cukup bagi beliau untuk mengemukakan saman fitnah.

"Tetapi saya tidak akan berbuat demikian kerana percaya akan kebebasan akhbar. Apatah lagi, apa yang mereka katakan tidak akan menyakitkan sangat. Jadi mengapa saya perlu melakukan sesuatu yang akan membawa banyak kritikan yang tidak adil terhadap kerajaan dan saya," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata, kebebasan akhbar mesti diikuti dengan tanggungjawab kerana kerajaan dan media mempunyai tanggungjawab untuk memastikan negara terus stabil.

"Jika anda mula membangkitkan rasa benci di kalangan masyarakat di negara berbilang kaum seperti Malaysia, anda akan memusnahkan negara ini, anda akan menyukarkan kehidupan majoriti rakyat yang tidak mahu melihat keganasan di negara ini," dan media boleh membantah tetapi mereka tidak boleh mengganggu keamanan dan keharmonian negara ini.

Mengenai demokrasi, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai cara tersendiri untuk membuat sesuatu walaupun mereka yang lain khususnya Barat boleh menyatakan semua yang baik mengenai sistem itu.

"Terdapat had bagi semua perkara dan di Malaysia kita percaya juga ada had dalam demokrasi. Jika demokrasi boleh menyebabkan keadaan huru hara, kita perlu melakukan sesuatu untuk membetulkannya," kata beliau. -- BERNAMA

AH PR